

U B174 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2230)

SHAH ALAM 10 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN BAHAWA DEMOKRASI DI NEGARA INI BOLEH HANCUR SEKIRANYA ANGGOTA-ANGGOTA BARISAN NASIONAL (BN) SERTA MANA-MANA PIHAK LAIN BERTINDAK MELAMPAUI BATAS-BATAS DEMOKRASI.

PERDANA MENTERI BERKATA SELAMA INI SISTEM DEMOKRASI DAPAT WUJUD DI NEGARA INI KERANA ADANYA KERJASAMA DIANTARA PARTI-PARTI DALAM PERIKATAN DAN KINI PULA BN DAN JUGA KERANA RAKYAT MENOLAK TINDAKAN DAN PANDANGAN YANG BOLEH MENGHANCURKAN DEMOKRASI.

OLEH ITU, BELIAU BERHARAP TIDAK ADA PIHAK YANG BERTINDAK MELAMPAUI BATAS-BATAS DEMOKRASI KERANA INI AKAN HANYA MERUNTUHKAN SISTEM PEMERINTAHAN YANG SELAMA INI BAIK DAN BERJAYA BAGI NEGARA INI.

BELIAU YANG BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE-34 DI SINI MALAM INI, BERKATA PARTI-PARTI DALAM BN HENDAKLAH MENYEDARI TANGGUNGJAWAB MASING-MASING UNTUK MEMELIHARA DAN MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI DENGAN BAIK.

DEMI MEMELIHARA PERPADUAN BN DAN DEMOKRASI, BELIAU MENASIHATI PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONAN BN SUPAYA TIDAK MEMBUAT TEGURAN ATAU MELUAKKAN PERASAAN MEREKA SECARA TERBUKA KERANA MENURUT BELIAU, KERAPKALI APABILA SESUATU PENDAPAT ITU SUDAH DIKETAHUI UMUM, MEMANG SUKARLAH BAGI SESUATU PIHAK MENGAKU KALAH. -- LAGI
2023MST 10 10 86

U B176 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 2 SHAH ALAM (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONAN BN MEMPUNYAI PELBAGAI SALURAN TERMASUK KABINET SENDIRI UNTUK MENYUARAKAN RASA TIDAK SENANG TERHADAP SESUATU DASAR ATAU PELAKSANAANNYA.

KATANYA, DENGAN CARA DAN SALURAN INI PENJELASAN YANG TERPERINCI BOLEH DIBUAT TANPA MENYINGGUNG PERASAAN PARTI ATAU ANGGOTA ATAUPUN PEMIMPIN KECIL PARTI-PARTI KOMPONAN BN YANG LAIN.

DENGAN ITU PERPADUAN BN TIDAK BOLEH DISYAKI ATAU DIPERSOALKAN DAN KESAN BN DALAM POLITIK ATAU EKONOMI NEGARA AKAN MENJADI LEBIH KUKUH, TAMBANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA DI KEBANYAKAN NEGARA YANG MERDEKA SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA, DEMOKRASI YANG MEREKA AMALKAN TIDAK BERJAYA DAN TERPAKSA DIGANTIKAN DENGAN SISTEM KERAJAAN TENTERA ATAU CARA-CARA LAIN YANG OTOKRATIK.

KATANYA, INI BERLAKU KERANA RAKYAT TIDAK TAHU MENGGUNAKAN SISTEM DEMOKRASI ATAU TIDAK TAHU BATAS-BATAS DEMOKRASI. -- LAGI
2025MST 10 10 86

U B178 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 3 SHAH ALAM (EMBARGO)

BELIAU KESAL KERANA ADA KUMPULAN-KUMPULAN YANG MENGANGGAP DIRI MEREKA LEBIH LAYAK DARIPADA PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT TETAPI TIDAK PULA MENCEBURI POLITIK SECARA LANGSUNG KERANA TIDAK YAKIN MENDAPAT SOKONGAN PENUH DARIPADA RAKYAT.

OLEH ITU MEREKA CUBA MEMPERALATKAN HAK-HAK DEMOKRATIK UNTUK MENGGAGALKAN USAHA-USAHA KERAJAAN. MEREKA MENINGKATKAN PENYALAHGUNAAN HAK DEMOKRATIK INI UNTUK MENCABAR KERAJAAN SUPAYA BERTINDAK TERHADAP MEREKA, TAMBAHNYA

KATANYA, KUMPULAN-KUMPULAN ITU MEMPERALATKAN SENTIMEN PERKAUMAN DENGAN HARAPAN KERAJAAN AKAN BERTINDAK KERAS UNTUK MENCEGAH KEGIATAN MEREKA YANG BOLEH MENCETUSKAN RUSUHAN.

APABILA SAHAJA KERAJAAN BERTINDAK MENGHALANGI KEGIATAN MEREKA YANG BAHAYA, MAKA BERPELUANGLAH MEREKA MENGECEM KERAJAAN SEBAGAI TIDAK DEMOKRATIK, KATA BELIAU.

BELIAU KESAL KUMPULAN-KUMPULAN INI SANGGUP MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA SENDIRI KEPADA ORANG-ORANG ASING BAGI MENCAPAI TUJUAN MEREKA.

-- LAGI
2027MST 10 10 86

U B180 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 4 SHAH ALAM (EMBARGO)

STRATEGI YANG DIGUNAKAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN INI SERING MENGHANCURKAN DEMOKRASI DI BEBERAPA BUAH NEGARA, TEGASNYA.

KATANYA, DEMOKRASI SEBAGAI SATU SISTEM TIDAK AKAN MENENTUKAN KEJAYAAN DAN KESTABILAN NEGARA DENGAN SENDIRINYA, TETAPI YANG MENJAYAKAN SISTEM ITU IALAH PENGAMALNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI NEGARA INI TANPA BN, BERPULUH-PULUH PARTI KECIL AKAN BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA, DAN KERAJAAN CAMPURAN YANG DITUBUH OLEHNYA SELEPAS PILIHAN RAYA TIDAK DAPAT MENJAMIN KESTABILAN.

PERDANA MENTERI MENASIHATI PARTI-PARTI DALAM BN JANGAN LALAI SETELAH BEROLEH KEJAYAAN BESAR DALAM PILIHAN RAYA LEPAS DAN BELIAU MEMINTA SETIAP WAKIL RAKYAT BN BERUSAHA MEMAHAMI PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DEWAN PERUNDANGAN, ISU-ISU DAN IMPLIKASI-IMPLIKASI SESUATU RANG UNDANG-UNDANG.

KATANYA, ADA SEORANG DUA WAKIL RAKYAT YANG TIDAK BEGITU MEMAHAMI DASAR-DASAR KERAJAAN SECARA MENDALAM DAN INI KERAP MEMBAWA KEPADA PERSELISIHAN PENDAPAT ANTARA PARTI-PARTI KOMPONAN BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI PERPADUAN MIC DAN KEJAYAANNYA DALAM PILIHAN RAYA LALU MEMENANGI KESEMUA KERUSI PARLIMEN YANG DITANDINGINYA TETAPI MENGINGATI PARTI ITU SUPAYA INI TIDAK MENJADIKAN MEREKA TERLALU AGRESIF TERHADAP PARTI-PARTI LAIN. --
BERNAMA

2029MST 10 10 86